

“HAHAHA... COOL GILA KAU PUNYA ACTING ARIANA...”: PERCAMPURAN KOD DALAM NOVEL ‘THE WEDDING BREAKER’

Noor Aida Mahmor
Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden
UUM CAS
Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah
nooraida@uum.edu.my

Nasariah Mansor
Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden
UUM CAS
Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah
nasariah@uum.edu.my

Faizah Ahmad
Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden
UUM CAS
Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah
a.faziah@uum.my

ABSTRAK

Percampuran kod merupakan satu fenomena biasa dalam kalangan penutur yang mengamalkan lebih daripada dua bahasa. Terma ini digunakan secara meluas di dalam bidang linguistik terutamanya bidang Pemerolehan Bahasa Kedua dan Kedwibahasaan. Terdapat dua jenis percampuran kod iaitu percampuran kod dalaman atau ‘inner code-mixing’ dan percampuran kod luaran ‘outer code-mixing’. Sebuah negara yang penduduknya berbilang kaum seperti Malaysia, fenomena percampuran kod ini tidak dapat dielakkan. Malah menjadi satu kelaziman dalam pertuturan dan penulisan. Oleh yang demikian, adalah amat perlu untuk mengkaji fenomena ini. Sorotan karya menyarankan bahawa fenomena percampuran kod ini menggambarkan tahap kreativiti seseorang dalam penggunaan bahasa. Selain daripada itu, fenomena ini juga menunjukkan tahap pengetahuan dan penguasaan bahasa seseorang. Justeru, makalah ini akan membincangkan amalan percampuran bahasa dalam novel ‘The Wedding Breaker’ karya Evelyn Rose dan bagaimana percampuran bahasa mempengaruhi makna dan komunikasi sebenar. Makalah ini juga meneroka makna sosio-budaya yang terkandung.

Kata Kunci: percampuran kod, bahasa rojak, ‘outer code-mixing’, percampuran kod luaran, kedwibahasaan

Pengenalan

Percampuran kod merupakan pertukaran bahasa daripada satu bahasa ke satu bahasa yang lain dalam bentuk lisan atau penulisan. Dalam istilah biasa, percampuran kod juga dikenali sebagai bahasa rojak. Perkara ini merupakan fenomena biasa dalam masyarakat yang mengamalkan lebih daripada dua bahasa. Kajian tentang percampuran bahasa akan dapat meningkatkan pemahaman seseorang individu tentang sifat, proses dan kekangan bahasa (Myers-Scotton, 1993; Boeschoten, 1998; Azuma, 1998), dan juga hubungan penggunaan bahasa, nilai individu, strategi komunikasi, sikap dan fungsi bahasa dalam konteks sosio-budaya (Auer, 1998; Jacobson, 1998; Myers-Scotton, 1993; Alenezi, 2010; Lüdi, 2003). Martin Jones (2000) menyatakan bahawa percampuran kod berfungsi sebagai petanda konteks apabila digunakan dalam pertuturan dan penulisan. Manakala Bokamba (1989) pula menyatakan bahawa percampuran kod ialah percampuran perkataan, frasa dan ayat daripada dua sistem nahu yang berbeza melangkaui sempadan ayat dalam sesuatu pertuturan. Sementara Numan dan Carter (2001) pula menjelaskan bahawa fenomena penutur mencampur bahasa dalam pertuturan yang sama ini dikenali sebagai percampuran kod. Nomura (2003) menyatakan bahawa percampuran kod yang berlaku semasa pertuturan adalah disebabkan penutur ingin mencari perkataan dan frasa yang sesuai digunakan.

Percampuran kod yang juga dikenali sebagai bahasa rojak merupakan satu bentuk komunikasi serta penyampaian maklumat dan sering berlaku dalam komunikasi tidak formal. Percampuran kod juga bergantung kepada hubungan antara fungsi dan peranan bahasa. Peranan merujuk kepada individu yang menggunakan bahasa. manakala fungsi bahasa merujuk kepada apa yang ingin dicapai atau disampaikan oleh penutur dalam percakapannya. Peranan juga bergantung kepada ciri-ciri khusus penutur seperti latar belakang sosial, tahap pendidikan dan kawasan setempat. Hamers dan Blanc (2000) menjelaskan bahawa percampuran kod terbahagi kepada tiga jenis: ‘inner code mixing’; ‘outer code mixing’; dan ‘extrasentential code mixing’. ‘Outer code mixing’ atau percampuran kod luaran juga dikenali sebagai *Intersentential* merupakan percampuran dua jenis bahasa seperti mencampurkan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam satu pertuturan. ‘Inner code-mixing’ atau percampuran kod dalaman juga dikenali sebagai *Intrasentential* ialah percampuran dialek dalam satu pertuturan. Manakala, ‘Extrasentential code mixing’

pula merujuk kepada penggunaan 'fillers', 'tags', 'exclamation' dan 'parenthetical' di penghujung pertuturan. Perkara ini turut dikenali sebagai 'tag-switches' atau 'emblematic switches'. Percampuran kod ini dapat menggambarkan identiti etnik seseorang penutur. Sebagai contoh, 'lah', 'adoi', 'alamak', 'oh', 'alah' merupakan 'fillers' (partikel pragmatik) yang sering diguna pakai oleh rakyat Malaysia. 'Bah' pula amat popular dalam kalangan penutur di Sabah dan Sarawak. Manakala penggunaan 'mah', 'sei la' dan 'lor' di penghujung ayat menggambarkan pengaruh bahasa Cina yang sering digunakan oleh masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan percampuran kod (*code mixing*) dan pertukaran kod (*code switching*) iaitu seperti bahasa kiasan (*euphemism*), bahasa khusus (*specificity*), permainan dwibahasa (*bilingual punning*) dan prinsip ekonomi (*economy principle*) (Li, 2000).

Oleh yang demikian, kajian ini membincangkan amalan percampuran kod luaran dalam novel kontemporari 'The Wedding Breaker' karya Evelyn Rose. Kajian ini melihat bagaimana percampuran kod luaran boleh mempengaruhi makna dalam komunikasi sebenar dan kajian ini juga meneroka makna sosio budaya yang terkandung. 'The Wedding Breaker' dipilih sebagai subjek kajian kerana novel ini merupakan novel cinta yang telah meraih populariti yang tinggi dalam masyarakat, khususnya Melayu. Oleh kerana populariti yang tinggi, novel ini telah dijadikan drama bersiri di kaca televisyen. Selain itu, novel ini di dapati terhasil daripada pelbagai teknik dan gaya penulisan yang sejajar dengan perkembangan semasa terutama aspek gaya penulisan dan bahasa. Gaya penulisan dan bahasa yang digunakan dalam novel ini banyak dipengaruhi oleh unsur percampuran kod, dialek dan slanga. Jelas bahawa budaya bahasa rojak atau percampuran kod ini telah menjadi amalan dalam novel ini dan seterusnya menggambarkan satu fenomena dalam penulisan novel-novel Melayu kini.

Kedudukan Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu dalam Masyarakat Malaysia

Kedua-dua bahasa Melayu dan bahasa Inggeris mempunyai kedudukan tersendiri di Malaysia. Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi dan digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah dan pejabat-pejabat kerajaan. Pelbagai usaha telah dijalankan di bawah Dasar Bahasa Kebangsaan untuk memastikan rakyat berupaya menggunakan bahasa ini. Dewan Bahasa dan Pustaka turut ditubuhkan untuk menjaga dan memastikan pelaksanaan dan kelancaran dasar ini. Kedudukan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua menjadikannya tidak kurang penting dalam masyarakat Malaysia. Bahasa Inggeris digunakan secara meluas dalam urusan kerjaya dan industri.

Bahasa Inggeris mula mendapat tempat dan kedudukan dalam masyarakat Malaysia bermula dari zaman penjajahan British pada tahun 1824 melalui perjanjian Inggeris-Belanda. Pihak British telah mencampuri semua urusan pentadbiran Tanah Melayu yang sebelum ini diuruskan oleh raja-raja Melayu. Bahasa Inggeris menjadi bahasa pemerintah dan digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah. Dari segi pentadbiran negara, hanya bahasa Inggeris yang diterima pakai pada zaman tersebut walaupun hanya sebilangan kecil sahaja penduduk Tanah Melayu yang boleh berbahasa Inggeris. Dengan itu, bahasa Inggeris sering dikaitkan dengan pengaruh, kuasa dan prestij. Rakyat diwajibkan mempunyai kemahiran berbahasa Inggeris sekiranya ingin memasuki sekolah-sekolah yang dikelolakan oleh kerajaan Inggeris dan untuk menjawat jawatan kerajaan. Anggota masyarakat yang mahir berbahasa Inggeris dan pelajar-pelajar lulusan sekolah Inggeris menjadi kebanggaan masyarakat setempat. Pengaruh kolonial ini telah menyebabkan bahasa Inggeris dipandang tinggi di Tanah Melayu sehingga kini. Walau bagaimanapun, kebangkitan nasionalisme dalam kalangan orang Melayu untuk menuju kemerdekaan telah memberi penekanan terhadap kepentingan bahasa Melayu. Bahasa Melayu sebagai elemen jati diri dan identiti nasional mula mengambil tempat dalam masyarakat. Bahasa Melayu menjadi bahasa pilihan kerana bahasa ini merupakan bahasa penduduk asal Tanah Melayu serta merupakan *lingua franca*; bahasa yang sangat penting dalam pemerintahan dunia Melayu. Setelah negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, bahasa Melayu mula mengambil tempat sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi di sekolah dan pejabat-pejabat kerajaan. Segala urusan peperiksaan utama di sekolah turut dikendalikan dalam bahasa Melayu.

Kini, masyarakat Malaysia tidak dapat lari daripada mengalami arus pemodenan dan perubahan. Untuk mencapai kestabilan politik dan ekonomi negara, kerajaan telah memberi penekanan terhadap bahasa Inggeris. Di samping itu, bahasa Inggeris juga turut memainkan peranan penting dalam urusan diplomasi negara-negara ASEAN dan Asia. Bahasa Inggeris telah menjadi bahasa yang sangat penting, bahasa multinasional dan bahasa urusan perdagangan dan pelancongan. Bahasa Inggeris turut digunakan dalam bidang pendidikan, khususnya bagi subjek perubatan, sains dan teknologi. Justeru, bahasa Inggeris mendapat tempat dan amat berpengaruh dalam masyarakat Malaysia.

Bilingualisme dan Percampuran Kod di Malaysia

Malaysia merupakan sebuah negara yang masyarakatnya berbilang kaum terdiri daripada tiga etnik terbesar, iaitu Melayu, Cina dan India. Disebabkan kebitaraan ini, bahasa Melayu diangkat sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi serta digunakan sebagai alat perpaduan. Manakala, bahasa Inggeris telah dinobatkan sebagai bahasa kedua. Selain itu, terdapat juga bahasa-bahasa ibunda etnik seperti bahasa Cina, bahasa Tamil dan sebagainya. Lazimnya, individu di Malaysia menguasai dua bahasa atau lebih: bahasa Melayu-bahasa Inggeris; bahasa Melayu-bahasa lain; bahasa Inggeris-bahasa lain; bahasa ibunda-bahasa lain. Ini jelas menunjukkan kepelbagaian berbahasa masyarakat Malaysia. Dalam komunikasi, penutur lazimnya menggunakan percampuran kod untuk mengatasi masalah komunikasi dan bahasa (Jariah Mohd Jan, 2003).

Percampuran kod mempunyai peranan penting dalam komunikasi, terutama dalam kehidupan individu yang *bilingual* atau *multilingual* dan seringkali percampuran kod dalam pertuturan berlaku secara spontan dan tanpa sedar. Grosjean (1982) berpendapat bahawa bilingualisme wujud di setiap negara, kelas masyarakat dan boleh berlaku di setiap peringkat umur. Tambah beliau, fenomena ini sudah lama terbentuk sejak bermulanya kewujudan bahasa dalam sejarah manusia. Beliau menambah adalah amat sukar untuk mencari sebuah negara yang benar-benar 'monolingual'. Grosjean (2008) juga berpendapat bahawa *bilingual* merupakan fenomena yang saling berkait rapat dan adalah amat sukar untuk mengasingkan kedua-dua bahasa tersebut. Kajian-

kajian tentang percampuran kod dan bilingualisme menyatakan bahawa individu yang menguasai lebih daripada satu bahasa mampu menyesuaikan diri dalam situasi komunikasi yang berubah-ubah tanpa menjejaskan kemahiran interaktif seseorang dan menjadikan individu tersebut lebih kompeten dalam menguasai bahasa (Grosjean, 2008).

Mengapa Percampuran Kod Berlaku?

Kajian tentang percampuran kod telah banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Sorotan karya menegaskan bahawa percampuran kod tidak hanya berlaku pada peringkat individu malah diperingkat masyarakat juga. Mahanita dan Then (2007) dalam kajian mereka melaporkan bahawa guru-guru di sekolah menggunakan percampuran kod bahasa Inggeris -bahasa Melayu dalam proses pembelajaran dan pengajaran bertujuan memudahkan proses pengajaran guru dan pemahaman para pelajar. Jariah Mohd Jan (2003) turut melaporkan percampuran kod juga berlaku dalam mesyuarat dan urusan tadbir industri. Sementara Simon (2001) dan Weng (2012) pula menjelaskan bahawa percampuran kod merupakan fenomena yang boleh diterima dan mendapat maklum balas positif serta berupaya menjadi alat pembelajaran yang efektif. Woon (2007) menyatakan bahawa bentuk linguistik percampuran kod boleh dikelaskan mengikut kata; frasa; dan ayat. Woon (2007) turut menyatakan bahawa percampuran kod merupakan fenomena biasa dalam kalangan masyarakat di Hong Kong. Percampuran antara bahasa Kantonis-bahasa Inggeris kerap berlaku dalam tahap kata, iaitu perkataan bahasa Inggeris diselitkan dalam pertuturan bahasa Kantonis.

Percampuran kod lazimnya berlaku secara spontan atas beberapa faktor. Jariah Mohd Jan (2003) dalam kajiannya menjelaskan bahawa percampuran kod digunakan dalam situasi untuk menunjukkan kuasa, status dan memberi arahan. Baker (2006) yang mengkaji fenomena percampuran kod di dalam bilik darjah menyatakan bahawa percampuran kod berlaku disebabkan oleh beberapa faktor: untuk menerangkan dan menghuraikan idea; menggantikan kata disebabkan perkataan yang tidak diketahui; untuk menjelaskan konsep yang tidak boleh didapati dalam budaya lain; mengatasi masalah kekurangan istilah; untuk mendapatkan perhatian pendengar; untuk mengalih perhatian pendengar; untuk memberi arahan; untuk berkongsi maklumat tertentu dengan orang yang tertentu; untuk menzahirkan identiti diri dan persahabatan; untuk menyampaikan perasaan; untuk memberi motivasi; dan untuk mengurangkan tekanan dan menambahkan unsur komedi dalam perbualan. Selain itu, percampuran kod juga digunakan untuk mengurangkan keresahan, memahami perkataan yang tidak diketahui, menggalakkan perubahan positif dalam sikap semasa pembelajaran bahasa kedua; menggalakkan penutur berasa selesa dan menggalakkan penglibatan dalam kelas semasa pembelajaran; belajar dan membezakan nahu bahasa yang berbeza (Willis, 2006; Weng, 2012; Jiang 2004; Badrul dan Kamaruzaman, 2009). K. Kanthimathi (2007) dalam kajiannya menyenaraikan bahawa terdapat beberapa sebab berlakunya percampuran kod: tidak tahu perkataan yang setara; mudah untuk menerangkan dalam bahasa ibunda daripada bahasa asing; kekurangan leksikal dalam bahasa ibunda; prestij; kebiasaan; memudahkan kefahaman; dan mudah untuk disebut.

Percampuran kod turut mempunyai fungsi tersendiri. K. Kanthimathi (2007) menyatakan terdapat beberapa fungsi percampuran kod. Pertama, percampuran kod mempunyai fungsi berkaitan sikap. Ini bermaksud percampuran kod adalah disebabkan oleh sikap individu terhadap prestij dan tahap pendidikan dan gaya sofistikated. Percampuran kod juga menunjukkan di mana penutur tersebut berasal atau tinggal. Kedua, percampuran kod juga berfungsi sebagai identifikasi laras bahasa seperti laras bahasa perubatan, sains dan teknologi dan lain-lain. Istilah dan terma yang diguna pakai dalam sektor sains, teknologi dan perkomputeran selalunya berbeza dengan bahasa biasa. Ketiga, percampuran kod mempunyai fungsi ekspresif untuk mewakili perasaan dan emosi. Keempat, percampuran kod digunakan dalam memberi arahan. Penutur menggunakan percampuran kod untuk memberi arahan kepada individu yang lain dan secara tidak langsung memberi tanggapan tentang status dan kedudukan penutur. Kelima, percampuran kod sebagai fungsi pengulangan, iaitu untuk memberi penerangan tentang istilah dan ekspresi, membuat kutipan, menyusun dan mengolah ayat dalam bahasa lain dan sebagainya. Keenam, fungsi sosialisasi dalam percampuran kod merujuk kepada hubungan seseorang individu dengan individu yang lain seperti keakraban dan kemesraan. Ketujuh, percampuran kod sebagai fungsi rujukan, iaitu untuk memudahkan penjelasan dan huraian. Kelapan, fungsi instrumental dalam percampuran kod merujuk kepada usaha untuk menambah kecekapan dalam bahasa. Akhir sekali, percampuran kod juga digunakan untuk memberi pendedahan kepada bahasa Inggeris atau bahasa asing.

Justeru, makalah ini akan membincangkan amalan percampuran kod, terutamanya percampuran kod luaran dalam novel 'The Wedding Breaker' karya Evelyn Rose dan mengkaji bagaimana percampuran bahasa mempengaruhi makna dalam komunikasi sebenar. Makalah ini juga meneroka makna sosio-budaya yang terkandung. 'The Wedding Breaker' merupakan novel cinta yang telah meraih populariti dalam masyarakat, khususnya Melayu. Novel ini terhasil dengan pelbagai teknik dan gaya penulisan penulisnya berdasarkan perkembangan semasa. Gaya penulisan dan bahasa yang digunakan banyak dipengaruhi oleh unsur percampuran kod, dialek dan slanga. Budaya bahasa rojak atau percampuran kod ini telah menjadi sebahagian daripada bahasa dalam novel ini dan seterusnya menggambarkan satu fenomena biasa dalam penulisan novel-novel Melayu kini.

Kaedah Kajian

Kajian merupakan analisis teks novel 'The Wedding Breaker'. Teks ini dipilih kerana tahap popularitinya dalam kalangan pembaca. Novel ini telah diulang cetak sebanyak lapan kali sehingga Oktober 2013. Novel ini juga telah dijadikan drama melalui slot Akasia TV3 mulai 30 Disember 2013 sehingga 20 Februari 2014 dan seterusnya melonjaknaikkan *rating* novel tersebut. Selain itu, novel ini juga dipilih kerana novel ini mempunyai tahap kekerapan percampuran kod yang tinggi berbanding novel-novel Melayu yang lain. Tujuan makalah ini adalah untuk mengkaji perlakuan percampuran kod luaran dalam novel tersebut. Analisis akan menggunakan kerangka fungsi percampuran kod seperti yang dikemukakan oleh K. Kanthimathi (2007). Analisis teks mengenal pasti kewujudan percampuran kod dalam kalangan watak-watak novel tersebut dan bagaimana percampuran kod ini mempengaruhi makna dan komunikasi. Kajian ini menjurus kepada fungsi penggunaan percampuran kod dalam novel terbabit.

Kajian ini bertujuan untuk menjawab soalan-soalan berikut: (1) Adakah terdapat percampuran kod luaran dalam novel tersebut?; (2) Apakah fungsi percampuran kod luaran yang terdapat dalam novel tersebut?; dan (3) Bagaimanakah percampuran kod luaran mempengaruhi makna komunikasi sebenar?

Analisis Data

Hasil kajian mendapati banyak penempelan kata-kata asing dalam novel terbabit. Secara amnya, terdapat dua jenis bahasa yang digunakan secara bercampur aduk iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Ini dapat dilihat dengan jelas dalam ungkapan-ungkapan watak dalam novel tersebut. Kajian mendapati kata-kata bahasa Inggeris ditempel, dipinjam dan disulam ke dalam ungkapan bahasa Melayu dengan jelas dan ketara. Perlakuan mencampur adukkan bahasa Inggeris ini digunakan secara meluas untuk memberi gambaran tentang latar belakang watak dan untuk menggambarkan realiti masyarakat kini di mana kebanyakan individu mempunyai kelebihan bertutur lebih daripada dua bahasa. Fenomena ini secara tidak langsung memberi kesan terhadap fungsi bahasa dan makna komunikasi.

Data dianalisis berdasarkan kategori K. Kanthimathi (2007), iaitu sikap, identifikasi laras bahasa, ekspresif, memberi arahan, pengulangan, sosialisasi, rujukan, instrumental dan pendedahan kepada bahasa asing. Dapatan kajian menunjukkan percampuran kod boleh diklasifikasikan mengikut beberapa fungsi seperti dalam jadual-jadual berikut:

Jadual 1: Fungsi Sikap

Sekitarnya dihiasi cantik dengan bunga-bunga <i>tuberose</i> dan mawar putih
<i>Seriously?</i> Kerja dengan abang ya? Tak buat apa-apa pun boleh, <i>just be there next to me...</i>
Adam jangan nak tipu <i>daddy</i> , <i>I know how wild your night life is...</i>
<i>Why not, sayang. You have read so many books... educated... rich in experience...</i> Abang akan sokong sayang. Buku jenis apa yang sayang nak tulis?

Berdasarkan jadual di atas, apabila diteliti, ayat-ayat yang dibina terdiri daripada dua bahasa dan kekerapan penggunaan perkataan-perkataan bahasa Inggeris adalah hampir sama banyak dengan perkataan bahasa Melayu. Percampuran kod luaran ini telah menjadi satu fenomena biasa dalam masyarakat majmuk dan *multilingual*. Perkataan-perkataan yang digunakan seperti *tuberose* (bunga sundal malam), *daddy* (ayah), *night life* (kehidupan malam), *educated* (terpelajar), *rich* (kaya), *just be there next to me* (berada di samping saya) melambangkan sikap penutur terhadap bahasa. Perlakuan mencampur adukkan perkataan-perkataan bahasa Inggeris dalam pertuturan bahasa Melayu dianggap lebih berprestij dan sofistikated. Ini kerana bahasa Inggris dianggap sebagai bahasa antarabangsa yang mempunyai status yang tinggi. Kebanyakan individu berpendapat keupayaan berbahasa Inggeris menyebabkan penutur dipandang tinggi oleh masyarakat. Walaupun penutur mungkin tidak begitu mahir berbahasa Inggeris secara keseluruhan, percampuran kod menjadi alternatif terbaik untuk mempamerkan kebolehan dan status diri. Oleh itu, ini mengalakkan aktiviti perlakuan percampuran kod. Selain itu, perlakuan ini turut menunjukkan status kehidupan penutur, tahap pendidikan yang diterima dan kawasan setempat di mana penutur tinggal. Penutur yang mempunyai latar belakang yang baik dan berpendidikan tinggi, mempunyai lebih daripada dua bahasa serta tinggal di bandar-bandar besar mempunyai kecenderungan untuk menggunakan bahasa Inggeris dalam percakapan seharian. Ini disebabkan oleh setempat dan perkara ini tidak berlaku dalam kalangan penutur yang tinggal di kampung-kampung. Selain daripada itu, penggunaan kata *seriously* pula adalah lebih pendek dan ringkas berbanding terjemahan bahasa Melayunya 'adakah awak serius?'. Perkataan *tuberose* juga adalah lebih ekonomis berbanding 'bunga sundal malam'. Maka, tempelan perkataan-perkataan bahasa Inggeris ini lebih ringkas dan padat untuk memudahkan pemyampaian makna. Tambahan pula, perkataan seperti '*wild... night life*' (kehidupan malam yang liar) sukar diterjemahkan dengan baik dalam bahasa Melayu disebabkan perbezaan budaya. Budaya 'night life' ini lebih condong kepada budaya barat dan aktiviti 'night life' kebiasaannya digunakan untuk menggambarkan status dan situasi kehidupan golongan-golongan elit yang tinggal di bandar-bandar besar yang mengamalkan budaya hidup barat. Penggunaan perkataan-perkataan seperti *daddy* berbanding dengan perkataan 'ayah' dan *tuberose* berbanding 'bunga sundal malam' nampak lebih moden, elegen dan sofistikated. Terdapat sesetengah individu yang beranggapan bahawa dengan menggunakan bahasa yang berstatus tinggi dalam komunikasi dapat meningkatkan taraf sosial mereka. Malah menjadi satu kebanggaan apabila dapat menggunakan bahasa tersebut. Tambahan pula, perkataan-perkataan ini condong kepada pengaruh budaya barat dalam kehidupan. Pengaruh budaya barat ini dianggap sebagai satu kemestian untuk menunjukkan prestij dan kedudukan. Maka, tidak hairanlah percampuran kod menjadi strategi komunikasi dalam pertuturan seharian.

Jadual 2: Fungsi Identifikasi Laras Bahasa

Sebenarnya <i>ice blue</i> Nampak kaku pada pandangannya, <i>fluffy pink</i> pula cantik dan Nampak seperti puteri manakala baju gaun putih potongan <i>goddess</i> tampak ada kelas, misteri dan seksi...
"Saya <i>period...</i> sebelum awak tak boleh nak <i>stop... better we stop now, kan?</i> " ajak Ariana lembut
Abangkan tahu mat salih ramai rambut <i>blonde!</i>
Mungkin awak <i>pregnant</i> tapi kita masih tak pasti. Tak datang haid boleh disebabkan oleh <i>few reasons</i> termasuklah masalah <i>hormon</i> , <i>pregnant</i> kalau yang dah kahwin, <i>stress</i> yang melampau hingga <i>hormon</i> berubah...
Macam bantuan duit, <i>laptop</i> dan rumah...

Percampuran kod luaran dalam jadual di atas berfungsi sebagai laras bahasa. Ini kerana sesetengah sektor seperti perkomputeran, teknologi, kejuruteraan, sains dan perubatan, undang-undang dan sebagainya memerlukan penggunaan bahasa khusus yang tertentu berbeza daripada bahasa harian. Dalam novel ini, terdapat beberapa laras bahasa yang digunakan seperti *pregnant* (mengandung), *period* (haid), *stress* (tekanan), dan 'hormon' merujuk kepada terma bidang perubatan dan kesihatan. Manakala perkataan 'hormon' merupakan perkataan Inggeris, 'hormone', yang telah dimelayukan. Manakala, *laptop* (komputer riba) merujuk kepada teknologi dan perkomputeran. Walaupun terdapat padanan istilah dalam bahasa Melayu bagi perkataan-perkataan di atas, penulis berasakan terdapat keperluan untuk menggunakan bahasa Inggeris kerana bahasa Inggeris lebih banyak digunakan dalam sektor-sektor ini. Selain itu, terdapat kebarangkalian bahawa padanan leksikal bahasa Melayu adalah kurang tepat dengan maksud sebenar yang ingin disampaikan. Maka, perkataan bahasa Inggeris dikekalkan. Begitu juga dengan perkataan-perkataan seperti *ice blue* (biru muda/cair), *fluffy pink* (merah jambu lembut yang gebu) dan *blonde* (berambut kuning keemasan). Leksikal bahasa asing ini dikekalkan demi memberi kesan yang lebih efektif, tepat dan bermakna. Perkataan *goddess* pula digunakan untuk merujuk kepada konsep tuhan perempuan yang mempunyai rupa paras dan tubuh badan yang sangat cantik dan menggiurkan dan konsep ini dipinjam daripada tamadun Greek Yunani. Dalam konteks budaya Melayu dan Islam pula, laras ini tidak wujud kerana Tuhan itu hanya satu dan tidak mempunyai jantina. Maka, leksikal tersebut dikekalkan demi menyampaikan makna yang tepat. Leksikal ini juga ekonomis berbanding jika dihuraikan dalam bahasa Melayu akan menjadi panjang lebar dan meleret. Jelas bahawa penggunaan laras bahasa ini digunakan untuk memudahkan komunikasi dan kefahaman. Justeru, percampuran kod luaran digunakan untuk menyampaikan makna.

Jadual 3: Fungsi Ekspresif

<i>Handsome</i> suami kau, Rose...
Hahahah... <i>cool</i> gila kau punya <i>acting</i> , Ariana... Meleleh aku tahan ketawa
<i>Every night I woke up regretting what I have done my whole life... darah daging abang sekarang terbentuk dari air haram, dari daging haram! How can I feel like I deserve you? How I was born two months ago... Not last 30 years! Don't you understand how much I want to forget my past?!</i>
Abang dah bagi <i>warning</i> kat <i>owner</i> akhbar tu....
<i>Oh my God! What a day!</i> Tempik Ariana tapi dalam hati saja....
<i>Datuk Wira Tengku Adam Kamil, I don't want to create a show here, okay. You know how drama queen I can be right? And saya lapar ni! It's almost two pm! Saya nak masuk pejabat lagi. Datuk tak apalah, Bos. So, can you please appreciate our time?</i>

Percampuran kod dalam pernyataan-pernyataan di atas menggambarkan emosi watak-watak dalam novel. Contoh-contoh di atas menunjukkan pengaruh emosi yang mendorong kepada berlakunya percampuran kod luaran tanpa disedari. 'Handsome suami kau, Rose...' dan 'Hahahah... cool gila kau punya acting, Ariana... Meleleh aku tahan ketawa' memberi penegasan emosi yang gembira dan positif. Perkataan *cool* yang digunakan tidak membawa maksud sejuk atau dingin tetapi memberi penerangan tentang kehebatan seseorang. Perkataan ini sering diguna pakai dalam bahasa lisan dalam situasi tidak formal. Manakala, ungkapan '*Every night I woke up regretting what I have done my whole life... Don't you understand how much I want to forget my past?!*' dan '*...warning...*' pula merupakan emosi negatif yang menggambarkan kesedihan dan kekecewaan individu terhadap sesuatu perkara. '*Oh my God! What a day!*' bertindak sebagai kata seru untuk mewakili emosi ketika berada dalam situasi yang melampau dan sukar diluahkan dalam bahasa asal. Manakala, '*I don't want to create a show here, okay. You know how drama queen I can be right? And saya lapar ni! It's almost two pm!* Saya nak masuk pejabat lagi. Datuk tak apalah, Bos. So, can you please appreciate our time?' mewakili emosi marah dan terdapat juga unsur sindiran dalam ungkapan tersebut untuk menggambarkan keadaan watak yang tertekan. Perkataan *drama queen* digunakan secara khusus kerana agak sukar untuk mencari padanan makna yang sesuai dan tepat dalam bahasa Melayu. Perkataan ini digunakan untuk merujuk kepada sikap dan respon individu terhadap sesuatu perkara secara *melodramatic* dan berlebih-lebihan.

Jadual 4: Fungsi Memberi Arahan

Jom bangun, kita solat sama-sama. <i>Then I will cook you something....</i>
Majlis akad nikah sebelah sana. Cik ikut laluan <i>stone patch</i> ni ya....
<i>Okay my brilliant husband.</i> Meh Rose pakaikan <i>your suit</i> pula. Dua-dua Adam <i>junior</i> dah bersiap dah...
Ariana, nanti ada <i>event</i> makan malam bersama anak yatim. <i>You</i> hadir ya. Ganti saya?
Awak <i>call</i> Harith, pegawai khas menteri. Tanya dia <i>detail</i> . Dia ketua program ni.

Jadual di atas jelas menunjukkan aktiviti percampuran kod luaran yang berfungsi untuk memberi arahan atau untuk menarik perhatian pendengar serta memberi arahan/hala tuju kepada pertuturan dan makna komunikasi. Tempelan perkataan bahasa Inggeris dalam ayat 'Cik ikut laluan *Stone patch* ni ya' berfungsi sebagai petunjuk dalam arahan yang diberi. Selain itu, 'Awak *call* Harith... tanya dia *detail*' dan '*Then I will cook you something*' juga menunjukkan arahan dan peringkat perbuatan/perlakuan. Begitu juga dengan '*Okay my brilliant husband, meh Rose pakaikan your suit* pula...' dan '*... nanti ada event* makan malam... *You* hadir ya. Ganti saya?' turut berfungsi sebagai arahan tidak langsung. Tempelan dan sulaman bahasa Inggeris dalam ungkapan-ungkapan di atas terdiri daripada kata kerja (*verb*), kata nama (*noun*) dan kata ganti diri (*pronoun*). Percampuran kod luaran yang berlaku dalam ungkapan-ungkapan di atas terhasil daripada kebiasaan berbahasa dan sikap walaupun terdapat padanan yang sesuai dalam bahasa Melayu.

Jadual 5: Fungsi Pengulangan

Senggugut? <i>Period pain?</i>
Mama...papa... <i>nahnu nahabbaki kaseero</i> . Kami sayang kamu sangat-sangat! <i>We would like to dedicate this song for you, mama and papa!</i>
Tak cukup lagi ke keburukan abang di mata Rose? Kejahatan abang yang mana satu Rose nak tahu? <i>Isn't it enough to see how bad I was sampai you need to dig it more?</i>
Jangan tipu abang, Rose... <i>I don't like it... I don't like it at all.</i>

Dalam jadual di atas, percampuran kod seperti ‘Senggugut? *Period pain?*’ digunakan sebagai pengulangan untuk memberikan teknik pengukuhan atau menerangkan definisi istilah. Senggugut dan *period pain* membawa maksud yang sama dalam bahasa yang berbeza. Pengulangan yang berlaku adalah untuk mengesahkan keadaan, perlakuan dan makna. ‘Jangan tipu abang, Rose... *I don't like it... I don't like it at all*’ juga merupakan pengulangan ayat yang mempunyai tujuan untuk memberi penegasan. Manakala, pernyataan ‘Mama...papa... *nahnu nahabbaki kaseero*. Kami sayang kamu sangat-sangat! *We would like to dedicate this song for you, mama and papa!*’ melibatkan percampuran kod tiga bahasa: bahasa Melayu-bahasa Arab-bahasa Inggeris. ‘Kami sayang kamu sangat-sangat’ merupakan pengulangan ayat kepada ‘...*nahnu nahabbaki kaseero*’. Sekali lagi pengulangan ini digunakan untuk memberi efek penegasan dan pengesahan makna. ‘*Isn't it enough to see how bad I was sampai you need to dig it more?*’ juga berfungsi sebagai pengulangan kepada ayat ‘Tak cukup lagi ke keburukan abang di mata Rose? Kejahatan abang yang mana satu Rose nak tahu?’. Pengulangan ini tidak menjejaskan makna dan komunikasi tetapi lebih kepada menjelaskan keadaan dan memberi penegasan kepada situasi. Pengulangan ini juga melibatkan emosi penutur. Maka, tidak hairanlah percampuran kod luaran diguna pakai dalam penulisan novel ini.

Jadual 6: Fungsi Sosialisasi

Datuk.... <i>Thanks for inviting me</i> . Tapi <i>honestly</i> Datuk, <i>please respect my privacy</i> . Bye...
Sorry... tadi <i>my mom called then bumped on</i> Datuk...
<i>How was your day</i> sayang? Soal Ariana lembut
‘Pengantin baru... <i>How was your honeymoon?</i> ’ “Tanya Ariana kepada Linda
Hahah... Ariana... <i>it's a mistake</i> saya ajak awak datang sini. <i>Now you have so many fans!</i> Nanti... bila <i>they announce your donation, you jalan atas red carpet</i> tu, then naik atas pentas. <i>They will do the auction when you are on the stage....</i>

Contoh-contoh percampuran kod luaran di atas merujuk kepada fungsi sosialisasi. Terdapat gaya sosialisasi seperti keakraban, solidariti dan hormat-menghormati. ‘Datuk.... *Thanks for inviting me*. Tapi *honestly* Datuk, *please respect my privacy*. Bye...’ merupakan ayat penolakan secara langsung yang dibuat secara baik dan hormat. ‘Sorry’ adalah perkataan lazim yang digunakan untuk meminta maaf. Perkataan ini dilihat lebih mesra, santai dan ekonomis berbanding padanan bahasa Melayunya ‘minta maaf’. Manakala, ‘Pengantin baru... *How was your honeymoon?*’ menggambarkan perbualan mesra antara dua sahabat. ‘*How was your day* sayang? Soal Ariana lembut’ dan ‘...*how was your honeymoon?*’ juga mempunyai fungsi yang sama. Namun, jika diteliti percampuran kod dalam ayat-ayat di atas turut menunjukkan sikap individu terhadap bahasa yang digunakan. Ayat-ayat lengkap seperti ‘*Thanks for inviting me*’, ‘*How was your day...?*’, ‘*How was your honeymoon?*’, ‘*Now you have so many fans!*’, dan ‘*They will do the auction when you are on the stage....*’ merupakan ayat-ayat yang lengkap. Percampuran kod dan pertukaran kod seperti di atas terhasil daripada kebiasaan dan sering dilakukan untuk menggambarkan penguasaan bahasa Inggeris yang baik. Ini bertujuan untuk menunjukkan status dan kemahiran *multilingual*.

Jadual 7: Fungsi Rujukan

“ <i>Slow talklah</i> dengan dia orang, bang. Jangan sampai dia berdendam pula...”
<i>Washroom</i> lelaki kat depan, Datuk...
<i>Stop acting</i> , Ariana.... Jangan nak samakan aku dengan si botak tu pula! Banyak-banyak perempuan yang aku jumpa, <i>you are the bitchest among the bitches....</i>
Urgent ni! Saya nak <i>catch up flight</i> sejam lagi...

Percampuran kod seperti *slow talk*, *washroom*, *you are the bitchest among the bitches* dan *catch up flight* berfungsi sebagai rujukan. Perkataan *slow talk* atau terjemahan literalnya ‘bincang perlahan-lahan’ digunakan untuk merujuk kepada aktiviti perbincangan secara sulit. Manakala, *washroom* (bilik basuh) pula merujuk kepada bilik air atau tandas. Sesetengah individu berpendapat penggunaan perkataan-perkataan *slow talk* dan *washroom* dianggap sebagai lebih elegan dan sopan. Maka, perkataan-perkataan ini dikekalkan penggunaannya. Agak sukar untuk mencari padanan yang sesuai dalam Bahasa Melayu bagi ungkapan ‘*you are the bitchest among the bitches*’. Dalam bahasa Inggeris perkataan seperti *bitch*, *whore*, *bastard* dan lain-lain merupakan perkataan kasar (*vulgar*) yang biasa digunakan dalam makian dan cacian. *Bitch* merujuk kepada perempuan sundal, betina jalang atau pelacur. Dalam konteks ini, ungkapan ini mempunyai konotasi negatif dan berbaur sindiran untuk merujuk kepada perlakuan jahat seseorang. Secara literal, ungkapan ini boleh diterjemahkan sebagai ‘awak lah perempuan sundal yang paling sundal’. Selain itu, ungkapan ini juga diguna pakai untuk menunjukkan tahap kemarahan yang melampau tentang kejahatan perilaku seseorang. Namun, dalam konteks budaya Melayu, ungkapan ini tidak sesuai dan jarang diguna pakai. Lazimnya, bagi masyarakat Melayu, kejahatan selalunya dikaitkan dengan perilaku syaitan, sebagai contoh, ‘jahat macam syaitan’. Oleh itu, jelas bahawa perbezaan budaya dan gaya hidup inilah yang menjadikan padanan makna dalam bahasa Melayu ini menjadi tidak begitu

tepat. Baker (2006) menyatakan bahawa kesukaran untuk mencari ekspresi, padanan atau terjemahan yang sesuai dalam bahasa Melayu menyebabkan penutur memilih untuk mencampur kod agar komunikasi menjadi lebih berkesan. Manakala, percampuran kod dalam ungkapan 'Urgent ni! Saya nak *catch up flight* sejam lagi...' merujuk kepada perlakuan menunggu penerbangan. Ungkapan ini boleh diterjemahkan sebagai 'Penting ni! saya akan menaiki pesawat dalam masa sejam lagi'. Percampuran kod luaran dalam ayat ini nampak lebih eksklusif dan elegen. Maka, tidak hairanlah percampuran kod luaran diguna pakai dalam penulisan novel berkaitan dengan sikap. Perlakuan menaiki pesawat juga merupakan aktiviti golongan yang tinggal di bandar di mana lokasi lapangan terbang juga kebanyakannya terletak berdekatan dengan bandar-bandar besar.

Jadual 8: Fungsi Instrumental

Dah.. <i>let me finish it. Take mine...</i> kalau tak suka, cakap awal-awal... <i>You like seafood and something sweet and not spicy</i> kan?
Thanks Ariana...
<i>It looks beautiful</i> sebab pemakainya....
Jumlah terbesar untuk <i>social responsibility is spent on a new project</i> anak yatim under Dato' Seri Zahra ya? <i>What's so good about the project?</i> Program ini memakan masa lama jugak saya tengok dan tak bersifat <i>one off</i> macam yang lain...
<i>Okay. I think we can dismiss now...</i> Jumpa malam nilah kalau macam tu...

Fungsi instrumental merujuk kepada percampuran kod yang digunakan untuk meningkatkan kecekapan berbahasa. Ungkapan 'Thanks' digunakan untuk menzahirkan penghargaan. '*It looks beautiful* sebab pemakainya...' berfungsi untuk memuji. '*let me finish it. Take mine... kalau tak suka cakap awal-awal...*' digunakan untuk menunjukkan kesanggupan penutur untuk bertoleransi dan '*you like seafood and something sweet and not spicy* kan?' menunjukkan usaha penutur memahami minat dan sikap orang disekelilingnya. '*Okay, I think we can dismiss now...*' pula menunjukkan formaliti upacara. 'Jumlah terbesar untuk *social responsibility is spent on a new project* anak yatim under Dato' Seri Zahra ya? ...*what's so good about the project?*... tak bersifat *one off.*' menunjukkan penyoalan yang memerlukan penerangan dan huraian. Contoh-contoh di atas jelas menunjukkan percampuran kod bagi tujuan berkomunikasi dan seterusnya mempamerkan kemahiran *multilingual* individu.

Jadual 9: Fungsi Pendedahan Kepada Bahasa Asing

Esok abang nak dia orang <i>clean up the mess...</i>
Saya bagi awak <i>three times than your current salary...</i>
Rose, <i>the theme will be winter wedding.</i> Adam loves winter so much, mummy minta wedding planner set kan <i>the whole wedding to follow the theme...</i> All the frosty white snow flakes, winter trees and now it's time to decide on your wedding gown...
<i>First of all I should say it is a very good project in terms of pelaksanaan and it is actually designed with objective.</i> Kalau Datuk tengok program yang telah diatur oleh penaja, <i>it is not just a donation but it tries to help those anak yatim to be in a better condition. We did not just give them money and just let them be. We can see their progress from month to month.</i>

Percampuran kod yang berlaku dalam jadual di atas menunjukkan pendedahan yang diberikan dan diterima tentang bahasa Inggeris. Jika diteliti, percampuran kod ini lebih merujuk kepada percampuran bahasa Inggeris-bahasa Melayu. Ini kerana jumlah penggunaan bahasa Inggeris melebihi jumlah penggunaan bahasa Melayu. Ini menunjukkan bahawa percampuran kod ini berlaku bukan sahaja dalam pertuturan bersama orang yang rapat atau ahli keluarga tetapi juga dengan dalam situasi formal atau bersama orang asing.

Kategori Baru – Fungsi Peneguhan

Selain daripada kategori-kategori fungsi di atas, melalui 'The Wedding Breaker' pengkaji juga mendapati terdapat satu jenis lagi kategori fungsi percampuran kod luaran, iaitu peneguhan. Jadual dibawah menunjukkan contoh-contoh percampuran kod luaran yang berfungsi sebagai peneguhan:

Jadual 10: Fungsi Peneguhan

<i>Superb.</i> Pandai-pandai anak Datuk. <i>You are a lucky dad Datuk. Handsome kids and beautiful wife...</i>
Abang tahu sejak dulu lagi abang tak layak untuk Rose... langsung tak layak untuk menjadi imam dan suami pada Rose... <i>but I keep on praying!</i> Abang usaha merubah diri abang supaya tuhan mula terima abang dan terima doa abang... <i>I just hope you will accept me for who I am now...</i>

Tempelan dan sulaman perkataan dalam ayat-ayat di atas berfungsi sebagai peneguhan dan penekanan. Sebagai contoh, ayat '*Superb.* Pandai-pandai anak Datuk. *You are a lucky dad Datuk. Handsome kids and beautiful wife...*' menunjukkan peneguhan tentang kelebihan dan keistimewaan individu. Perkataan *superb* digunakan untuk penekanan pujian. Begitu juga dengan '*You are a lucky dad Datuk. Handsome kids and beautiful...*' turut memberi peneguhan tentang kelebihan dan keistimewaan seseorang. Begitu juga dengan ayat 'Abang tahu sejak dulu lagi abang tak layak untuk Rose... langsung tak layak untuk menjadi imam dan suami pada Rose... *but I keep on praying!* Abang usaha merubah diri abang supaya tuhan mula terima abang dan terima doa abang... *I just hope you will accept me for who I am now...*' memberi peneguhan dan penekanan kepada makna tentang usaha,

rayuan dan emosi. Peneguhan dan penegasan ini boleh berlaku secara sengaja atau tidak sengaja dalam situasi formal dan tidak formal. Percampuran kod luaran sebagai unsur penegasan dipercayai mampu untuk menyampaikan makna dan perasaan dengan lebih berkesan. Maka, tidak hairanlah percampuran kod digunakan dalam komunikasi seharian walaupun bahasa yang digunakan menjadi bahasa rojak dan caca merba.

Perbincangan

Kajian ini bertujuan untuk menjawab beberapa persoalan kajian, iaitu: (1) Adakah terdapat percampuran kod luaran dalam novel tersebut?; (2) Apakah fungsi percampuran kod luaran yang terdapat dalam novel tersebut?; dan (3) Bagaimanakah percampuran kod luaran mempengaruhi makna komunikasi sebenar?.

Melalui analisis data di atas, persoalan-persoalan kajian telah dapat dijawab. Bagi persoalan kajian yang pertama, dapatan kajian menunjukkan terdapat percampuran kod luaran dalam novel 'The Wedding Breaker'. Bagi menjawab persoalan kajian yang kedua, kajian mendapati percampuran kod luaran adalah sangat ketara dan analisis data di atas telah menunjukkan bahawa sebahagian besar ungkapan dalam novel ini telah ditempelkan dan disulamkan dengan ungkapan-ungkapan dan perkataan-perkataan bahasa Inggeris yang bertujuan untuk memenuhi sembilan fungsi iaitu sikap, laras bahasa, ekspresif, memberi arahan, pengulangan, sosialisasi, rujukan, instrumental, dan pendedahan bahasa asing. Walau bagaimanapun, pengkaji telah menemui satu lagi fungsi bahasa yang kesepuluh iaitu fungsi peneguhan. Kajian mendapati tempelan dan sulaman bahasa Inggeris digunakan untuk membuat peneguhan. Untuk menjawab persoalan kajian yang ketiga, berdasarkan analisis data di atas, didapati tempelan dan sulaman perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan bahasa Inggeris telah menjadi amalan biasa dalam pertuturan yang mempunyai fungsi tertentu dalam menyampaikan makna. Kajian ini mendapati tempelan dan sulaman ini mempunyai bukan sahaja sembilan tetapi sepuluh fungsi dalam menyampaikan maksud penutur. Holmes (2008) menegaskan bahawa faktor sosial merupakan faktor utama pemilihan bahasa pertuturan dan penulisan. Faktor sosial ini merujuk kepada dengan siapa seseorang itu bertutur, konteks perbualan, fungsi dan topik perbualan. Thomas dan Wareing (2007) dan Jariah Mohd Jan (2003) menjelaskan bahawa percampuran kod dalam pertuturan terjadi disebabkan oleh sikap dan persepsi penutur terhadap sesuatu bahasa yang digunakan. Sesetengah individu beranggapan bahawa sesuatu varian bahasa itu adalah lebih elegan, ekspresif, musikal, kasar, sopan atau menyenangkan. Oleh yang demikian, percampuran kod luaran dalam novel ini terhasil daripada sikap ingin menggunakan bahasa yang elegan di samping untuk menggambarkan status watak dan latar belakang sosio ekonomi yang tinggi. Menurut Gill (2004), seseorang penutur akan mengalami proses asimilasi bahasa apabila mempunyai lebih daripada dua bahasa dan kebiasaannya seseorang penutur akan lebih menggunakan bahasa yang dianggap lebih tinggi. Oleh itu, dalam novel 'The Wedding Breaker', bahasa Inggeris dianggap sebagai bahasa yang lebih tinggi kedudukannya melalui watak-watak yang digambarkan dan bahasa ini secara tidak langsung menjadi simbol status dan kuasa. Maka, penutur seringkali digambarkan perlu untuk mencampur kod dalam pertuturan. Namun, pengkaji berpendapat bahawa penulis perlulah lebih berhati-hati dalam menggunakan percampuran kod luaran dalam penulisan. Ini kerana apabila tempelan dan sulaman ini jika tidak dilakukan dengan berhati-hati akan menjejaskan struktur bahasa, tatabahasa dan makna. Kajian yang dijalankan oleh Siti Rahimah Mustaffa, Raja Masittah Raja Ariffin dan Normahdiah Sheikh Said (2014) menegaskan bahawa bahasa Inggeris semakin menyaingi bahasa Melayu dan percampuran kod serta penukaran kod telah menimbulkan satu gejala linguistik, iaitu bahasa Melayu kacukan. Gejala ini dipercayai boleh menyebabkan kekeliruan jati diri seseorang penutur. Kajian oleh Noor Aida Mahmor, Faizah Ahmad dan Nasariah Mansor (2014) turut menegaskan bahawa karya kreatif yang ditulis dalam bahasa yang bercampur-campur atau bahasa rojak dipercayai menyebabkan banyak kesalahan bahasa dan seterusnya mengundang kekeliruan terhadap penggunaan tatabahasa bahasa Melayu. Penguasaan tatabahasa yang lemah menyebabkan penutur semakin kurang jati diri dan ini menjayakan pembinaan negara bangsa. Walau bagaimanapun, percampuran kod luaran sekiranya dilakukan dengan berhati-hati dapat membantu dalam penyampaian makna dan mesej sosio budaya masyarakat. Ini kerana percampuran kod memudahkan komunikasi dan untuk sesetengah konteks, percampuran kod dapat menyampaikan makna dengan lebih jelas, terutama apabila melibatkan istilah dan rujukan serta ketidakupayaan untuk mencari terjemahan dan padanan yang sesuai bagi perkataan-perkataan dan ayat-ayat dalam bahasa sumber.

Kesimpulan

Kajian ini tidak menolak kepentingan bahasa Inggeris sebagai medium komunikasi tetapi bertujuan untuk mendedahkan tentang fenomena percampuran kod luaran yang berleluasa dalam kalangan masyarakat Malaysia. Fenomena ini menyaksikan penekanan dan kecenderungan untuk menggunakan bahasa asing dalam penyampaian mesej dan makna dalam kehidupan seharian secara lisan dan tulisan. Kecenderungan ini banyak berlaku dalam novel-novel cinta. Fenomena ini juga berlaku secara spontan dan tanpa disedari kerana sudah sehati dengan gaya kehidupan sehari-hari. Secara tidak langsung ini juga menjelaskan bentuk komunikasi, cara interaksi serta taraf dan kedudukan individu dalam masyarakat. Melalui percampuran kod luaran dalam novel ini, masyarakat Malaysia digambarkan sebagai sebuah masyarakat elit berstatus tinggi, mempunyai tahap pendidikan yang tinggi dan tinggal dibandar-bandar besar. Kesimpulannya, novel 'The Wedding Breaker' memenuhi kesemua sembilan kategori fungsi percampuran kod seperti yang dicadangkan oleh K. Kanthimathi (2007). Sebagai tambahan, pengkaji juga telah menemui satu lagi kategori fungsi, iaitu fungsi peneguhan. Secara keseluruhan, percampuran kod menyumbang kepada makna dan keberkesanan komunikasi. Akan tetapi, perlu ditegaskan bahawa kajian ini hanya mengkaji sebuah novel sahaja. Dapatan kajian juga menjurus dan khusus kepada novel ini sahaja. Maka, dapatan kajian ini tidak boleh diambil untuk generalisasi tentang novel-novel cinta Melayu secara keseluruhan. Oleh yang demikian, kajian seperti ini memerlukan sampel yang lebih besar di masa hadapan.

Rujukan

- Alenezi, A. A. (2010) Students' language attitudes towards using code-switching as a medium of instruction in the college of health sciences: An exploratory study. *ARECLS*, 7, 1-22.
- Arnfast, J.S., & Jorgensen, J.N. (2003). Code-switching as a communication, learning, and social negotiation strategy in first year learners of Danish. *International Journal of Applied Linguistics*, (13) 91, 23-53.
- Auer, P. (1998). Introduction: Bilingual conversation revisited. In P. Auer (Ed.) *Code switching in conversation. Language, Interaction & Identity*, pp.1-24. London and New York: Routledge.
- Azuma, S. (1998). Meaning and form in code switching. In Jacobson, R. (Ed.) *Code switching worldwide*. Berlin and New York: Mouton De Guyter.
- Badrul Hisham Ahmad & Kamaruzaman Jusoff (2009). Teachers' code switching in classroom instruction for low English proficiency learners. *English Language Teaching*, (2) 2, 49-55.
- Baker, C. (2006). *Foundations of bilingual education and bilingualism*. (4th Edition). Calevendon, UK: Multilingual Matters.
- Bokomba, E. G. (1989). Are there syntactic constraints in code-mixing? *World Englishes*, (8) 3, 277-292.
- Boeschoten, H. (1998). The speakers of Turkic languages. In L. Johanson & E. A. Csato (Eds.), *The Turkic Languages*. Pp. 1-15. New York: Routledge.
- Cook, V. (2008). *Second language learning and language teaching* (4th Ed.). London: Hodder.
- Grosjean, F. (1982). *Life with two languages. An introduction to bilingualism*. Cambridge, Mass: Harvard University Press.
- Hamers, J. F. & H. A. Blanc. (2000). *Bilinguality and bilingualism*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Holmes, J. (2008). An introduction to sociolinguistics. (3rd edition). England: Pearson Education Limited.
- Jacanson, R. (Ed.). (1998). *Code switching worldwide*. Berlin and New York: Mouton De Guyter.
- Jariah Mohd Jan. (2003). Code switching for power wielding: Inter-gender discourse at the workplace. *Multilingua*, (22) 1, 41-57.
- Jiang, N. (2004). Semantic transfer and its implication for vocabulary teaching in a second language. *The Modern Language Journal*, 88 (iii), 416-432.
- Kanthimathi, K. (2007). Mixing mother tongue and English: Exploring the reasons and functions of code mixing. *The Second Biennial International Conference on Teaching and Learning of English in Asia: Exploring New Frontiers*, 14-16 June 2007, 1-12.
- Li, W. (2000). Dimensions of bilingualism. In Li Wei (Ed.). *The bilingualism reader*. New York: Routledge.
- Ludi, G. (2003). Code switching and unbalanced bilingualism. In Dewaele, J., Housen, A., Li, W., (Eds.) *Bilingualism beyond basic principle*. Clavendon: Multilingual Matters.
- Mahanita Mahadir & Then, C.O. (2007). Code switching in the English language classroom in Kuching secondary schools. *Sarawak Museum Journal*, Special Issue No7 on Social Sciences & Humanities, LXIV (85), 197-219.
- Martin-Jones, M. (2000). Bilingual classroom interaction: A review of recent research. *Language Teaching*, (33) 1.1-9.
- Myers-Scotton, C. (1993). *Social motivations for code-switching*. Oxford: Clarendon Press.
- Numan, D. & Carter, D. (2001). *Teaching English to speaker of other languages*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Noor Aida Mahmor, Faizah Ahmad dan Nasariah Mansor. (2014). Kerancuan bahasa: Cabaran dalam pendidikan negara dan pembinaan negara bangsa. *Prosiding Seminar Ketahanan Nasional 2014: Diversity in Creating Unity*. 23 Disember 2014. 117- 133.
- Nomura, M. (2003). Bilingualism and multilingualism: A study of code switching. *The Bulletin of the International Student Centre*, Kobe University, 9, 99-11.
- Simon, D-L. (2001). *Towards a new understanding of code switching in the foreign language classroom. Code switching Worldwide II*. Berlin: Mouton de Gruyter.
- Siti Rahimah Mustaffa, Raja Masittah Raja Ariffin dan Normahdiah Sheikh Said. (2014). Kekeliruan jati diri punca bahasa bercampur aduk. *Jurnal Bahasa*, (14) 1, 134-158.
- Thomas, L & Wareing, S. (2007). *Bahasa, masyarakat dan kekuasaan*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Weng, P.S. (2012). Code-switching as a strategy use in an EFL classroom in Taiwan. *US-China Foreign Language*, (10) 10, 1669-1675.
- Willis, J. (1996). *A framework for task-based learning*. England: Pearson Education Limited.
- Woon, Y.H. (2007). Code-mixing: Linguistic form and socio-cultural meaning. *The International Journal of Language Society and Culture*, 21,